

Newspaper	Berita Harian
Date	9 March 2016

**TUN M BERSEKONGKOL DENGAN DAP UNTUK JATUHKAN PM**

# Dr Mahathir pemimpin Melayu mudah lupa

BH-9/3/2016

» **Tindakan bekas PM boleh pecah belah solidariti pemimpin BN**

**Oleh Roselan Ab Malek**  
bhnews@bh.com.my

► **Jerantut**

**T**indakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak menunjukkan beliau seorang pemimpin Melayu yang mudah lupa sama seperti sajak yang ditulisnya *Melayu Mudah Lupa*.

Serentak itu, ahli UMNO yang bersekongkol dengan Dr Mahathir dan pembangkang, termasuk anaknya, bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dipecat daripada parti.

**Ambil tindakan tegas**  
Timbalan Ketua UMNO Bahagian Jerantut, Datuk Seri Wan Amizan Wan Abdul Razak, berkata tindakan Dr Mahathir bersama pemimpin pembangkang, termasuk Penasihat DAP, Lim Kit Siang untuk menjatuhkan Perdana Menteri sebagai satu pakatan 'subversif' yang wajar diambil tindakan tegas berasaskan undang-undang.

"Usaha untuk menjatuhkan Presiden UMNO (Najib) bukan melalui pilihan raya dianggap derhaka dan tindakan mereka menyokong Deklarasi Rakyat hakikatnya dianggap subversif yang bertujuan untuk menyingkirkan pemimpin yang dipilih rakyat.

"Tindakan sedemikian boleh memecahbelahkan solidariti dalam kalangan komponen Barisan Nasional (BN) sekali gus ancaman terhadap kesejahteraan masyarakat," katanya pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan khas bersama Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Jerantut, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Naib Ketua UMNO Bahagian Jerantut, Datuk Nazri Ngah dan Ketua Pemuda UMNO Bahagian Jerantut, Mohd Zamri Abdul Rahim.

**Tindakan mengancam parti**  
Dr Mahathir mengetuai pengisytiharan deklarasi menjatuhkan Najib, Jumaat lalu dalam majlis yang disertai Muhyiddin dan Mukhriz.

Wan Amizan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tahan berkata, tindakan Dr Mahathir, Muhyiddin, Mukhriz ini juga mendatangkan bahaya kepada parti kerana pembangkang akan 'menanggung air yang keruh' untuk mengukuhkan kedudukan mereka.

"Ini jelas bertentangan dengan perjuangan UMNO serta rakan lain parti komponen BN dalam membuat persiapan menggerakkan jentera Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) tidak lama lagi yang memerlukan perpaduan yang kukuh," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, UMNO Bahagian Jerantut juga meminta Kementerian Dalam Negeri (KDN) bertindak tegas jika ada pihak yang cuba mengganggu gugat keamanan negara.



Wan Amizan Wan Abdul Razak